



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 8 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENGGUNA DISARAN BELI SPESIES IKAN IKUT MUSIM, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	FROM PADI FIELDS TO PROSPERITY, ENVIROMENT, THE STAR, M/S – 8	LAIN – LAIN
3.	DOSM LANCAR PLATFORM DIGITAL STATISTIK PERTANIAN BERSEPADU TANISTATS 2.0, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 23	
4.	ANIMAL GROUPS BACK MICROCHIP SYSTEM, BUT CALL FOR BALANCE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
5.	SIJIL HALAL LONJAK JENAMA CIKGU ANA DI PASARAN RUNCIT, RINGGIT, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Pengguna disarankan beli spesies ikan ikut musim

LKIM sentiasa pantau harga, bekalan pastikan sumber protein negara cukup

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Bachok: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggalakkan pengguna memilih spesies ikan mengikut musim untuk memenuhi keperluan protein keluarga, bagi mengelak manipulasi harga, terutama ketika musim tengkujuh.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata bekalan beberapa jenis ikan seperti tongkol berkurangan ketika musim tengkujuh menyebabkan ada peniaga menaikkan harganya.

Beliau berkata, sebagai alternatif, pengguna wajar memilih spesies ikan mudah diperolehi seperti selayang, bagi memastikan bekalan banyak sekali gus dijual dengan harga lebih rendah.

"Contohnya pada April, Mei dan Jun, ikan tongkol banyak dan murah, waktu itu belilah banyak.

"Tetapi bila masuk November dan Disember, ikan tongkol kurang sebab berlaku musim teng-



Muhammad Faiz (tengah) ketika menyampaikan bantuan enjin bot kepada nelayan di Bachok, semalam.

(Foto Nor Amalina Alias/BH)

kujuh. Jadi makanlah ikan sebarang," katanya pada program MADANI Anak Nelayan Kembali Ke Sekolah LKIM di Chalet Pantai Tok Abah, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat; Pengarah LKIM Negeri Kelantan, Sobri Ibrahim dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak.

Bekalan tambahan

Faiz berkata, pengguna mampu mempengaruhi harga pasaran jika bijak membuat pembelian, selain tidak perlu kluatir dengan sentimen kekurangan bekalan ikan pada musim tengkujuh.

Katanya, bekalan ikan sentiasa

mencukupi dengan LKIM mempunyai bekalan 300 tan ikan, selain bekalan tambahan daripada peserta swasta bagi mengimbangi keperluan ikan di musim ini.

"LKIM sentiasa memantau harga dan bekalan ikan untuk memastikan sumber protein negara sentiasa mencukupi, selain kita juga prihatin kebajikan nelayan ketika musim bencana dengan mengagihkan bantuan segera RM1.8 juta kepada 628 nelayan seluruh negara.

"Bantuan di bawah skim bantuan bencana alam dan kebajikan nelayan ini termasuk untuk nelayan terjejas banjir, ribut dan kerosakan bot dengan bantuan

maksimum RM10,000 ikut kemusnahan dialami," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Faiz menyampaikan dana RM8,600 bantuan peralatan sekolah daripada LKIM dengan kerjasama Petronas Dagang Berhad dan NEKMAT kepada 100 anak nelayan daerah Bachok.

Turut diagihkan baucar bernilai RM5,000 daripada Yayasan Nelayan Malaysia dengan jumlah RM50 setiap seorang.

Tiga nelayan dari Tawang, Bachok turut menerima peralatan penangkapan ikan B40 bernilai RM41,400 membabitkan tiga unit enjin bot dan sumbangan makanan asas serta wang tunai RM500 seorang.



Aniella (centre) and Hallman (right) inspecting the padi cultivation project in Tawang Baa. — Photo courtesy of Sarawak Skills



Project proponents and villagers posing during a working visit to the padi cultivation project in Tawang Baa. — Photo courtesy of Sarawak Skills

From padi fields to prosperity

A PADI cultivation project in Tawang Baa, Padawan, is emerging as a model for community-centred agricultural innovation in Sarawak.

Funded by Yayasan Hasanah and implemented by the Sarawak Skills Development Centre, the project is supported by the state Education, Innovation and Talent Development Ministry (MEITD), the state Food Industry, Commodity and Regional Development Ministry, Sarawak Tourism Board and the state Agriculture Department.

This multi-agency cooperation

reflects a shared vision to advance sustainable agricultural practices while uplifting the socioeconomic well-being of rural communities across the state.

A recent working visit by MEITD deputy permanent secretary Aniella Siam assessed the project's development, impact and future potential in strengthening sustainable agriculture and enhancing rural livelihoods.

Discussions with local stakeholders focused on local challenges, training needs and collaborative pathways to boost the project.

Sarawak Skills described the visit as an important milestone as the project enters its next phase, with stakeholders reaffirming their mission to strengthen rural development.

"The project is more than just agricultural development," said Sarawak Skills executive director Halliman Sabri.

"It reflects a commitment to empower rural communities through knowledge, skills and sustainable practices."

"We are proud to work alongside Yayasan Hasanah, government agencies and local leaders to ensure the project not

only thrives but also becomes a model for other communities," he said during the visit.

"By equipping farmers with modern cultivation techniques, improving productivity and fostering economic opportunities, we are laying the groundwork for long-term resilience and prosperity in Tawang Baa and beyond."

Halliman added that the vision is to see the local community flourish not only in agricultural output but also in confidence, capability and economic independence.

"This initiative demonstrates

what can be achieved when the public and private sectors unite with local communities for a shared purpose," he added.

"We are committed to continuing our support, providing training and ensuring that the benefits of this project are sustainable for generations to come."

Village head Punet Siet commended the project's positive impact on the community, saying it had improved their agricultural knowledge and farming capabilities.

"It has also brought renewed hope to local families," he said.

DOSM lancar platform digital statistik pertanian bersepadu TaniStats 2.0

PUTRAJAYA - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melancarkan gerbang digital statistik pertanian bersepadu TaniStats 2.0 diperbaharui daripada versi awal diperkenalkan pada Mei 2025.

Menurut Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia, platform ini dibangunkan secara dalaman bagi mengintegrasikan pelbagai sumber data pertanian termasuk dapatan Banci Pertanian 2024, data pentadbiran pelbagai agensi, harga agromakanan, indikator keterjaminan makanan serta maklumat rantaian bekalan di bawah satu ekosistem digital.

Dalam satu kenyataan pada Ahad,

jabatan itu memaklumkan bahawa pembangunan platform ini menyokong teras ketiga gagasan Malaysia MADANI, iaitu Daya Cipta yang menekankan inovasi, pembaharuan dan pengupayaan modal insan.

"Matlamatnya ialah menggalakkan penggunaan data dalam membuat keputusan berasaskan bukti bagi kemajuan sektor pertanian.

"TaniStats 2.0 turut menyokong agenda Reformasi Sektor Awam, termasuk pendigitalan perkhidmatan kerajaan, integrasi data antara agensi serta tadbir urus data moden," katanya.

Platform ini membolehkan data pertanian diakses hampir masa nyata, sekaligus membantu kerajaan dan pihak berkepentingan membuat penilaian dasar serta tindakan lebih tepat.

"Ia menghimpunkan data hulu dan hiliran termasuk rantaian nilai produk pertanian dari ladang ke pengguna bagi pelbagai komoditi terpilih.

"Statistik keterjaminan makanan pula merangkumi bekalan, penggunaan dan keseimbangan makanan yang memberikan gambaran menyeluruh untuk tindakan yang lebih berkesan," jelas kenyataan itu.

TaniStats 2.0 turut mengintegrasikan teknologi analitik pintar, visualisasi geospasial serta modul pemantauan harga produk pertanian melalui MyAgroPrice, membolehkan pengguna meninjau harga di peringkat ladang, borong dan runcit mengikut negeri dan daerah.

"Ini memudahkan penilaian dasar harga serta pemantauan pasaran secara menyeluruh.

"Penambahbaikan lain termasuk modul CitraTani (Analitik Pertanian) bagi meneliti trend pengeluaran dan produktiviti, TableFlex bagi paparan data fleksibel dan mesra pengguna, serta CaknaTani yang menyediakan laporan Banci Pertanian 2024 dan nota teknikal," jelasnya.

Platform ini juga dilengkapi AgroBot, pembantu pintar berasaskan kecerdasan buatan (AI) generatif bagi memudahkan navigasi portal dan analisis awal secara efisien.

"DOSM komited memperkasakan penggunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan untuk meningkatkan ketepatan, kebolehpercayaan dan aksesibiliti data strategik negara.

"TaniStats 2.0 boleh diakses melalui portal [TaniStats.dosm.gov.my](https://tanistats.dosm.gov.my)," katanya.

Tambah kenyataan itu, Malaysia turut mencatat pencapaian global apabila menduduki tangga pertama dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25, mengatasi 197 negara lain berbanding kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Pelancaran TaniStats 2.0 disempurnakan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar sempena Program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2025.



TaniStats 2.0 bantu pengguna pantau harga di ladang, borong dan runcit. - Gambar.hiasan

Animal groups **back** microchip system, but call for balance

➤ Move described as progressive step that signals shift towards more compassionate and structured approach to animal welfare

BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Every week, rescuers find dogs dumped on roadsides, markets and construction sites – animals with no names, no records and no one to hold accountable.

Animal-welfare groups say Malaysia's plan to introduce mandatory microchipping could finally break this cycle of abandonment by ensuring every pet has an identifiable owner who can no longer disappear from responsibility.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) president Kalaivanan Ravichandran said the Housing and Local Government Ministry's announcement marks "a progressive and long-awaited step", especially as animal-related issues continue to burden local authorities and communities nationwide.

The initiative aligns closely with proposals submitted by SAFM and the Coalition of Animal Welfare NGOs in a memorandum to the ministry and the Agriculture and Food Security Ministry on May 16.

The memorandum strongly emphasised mandatory microchipping and neutering as essential measures to reduce abandonment and control the stray population, alongside establishing a national registration system to ensure traceability and accountability.

"Microchipping will make a real difference. It will help reunite lost pets with their owners, discourage irresponsible breeding and encourage a stronger sense of accountability.

"More importantly, it signals a shift towards a more compassionate and structured approach to animal welfare in Malaysia."

He added that SAFM – which works closely with rescuers, volunteers and local councils – stands ready to support the government and relevant agencies in implementing the system.

"In times of crisis, every life matters."

Kalaivanan stressed that microchipping alone will not solve Malaysia's stray problem unless supported by fair and



Mandatory microchipping could break the common practice of abandonment by ensuring every dog has an identifiable owner who can no longer dodge accountability. – AI GENERATED IMAGE BY AZURA ABAS

practical enforcement.

"Enforcement must encourage compliance, not punish pet owners unnecessarily."

"Pet owners should be given reasonable timelines to microchip their pets, supported by affordable fees and community-based outreach."

He called for penalties that consider the financial constraints of low-income households, warning against policies that may unintentionally push families to surrender or abandon their pets.

"We urge the government to consider flexible penalty structures, payment plans and even subsidies or fee waivers for B40 households."

"Our message is simple: enforcement must be strong enough to prevent irresponsible ownership, but compassionate enough to ensure families are not driven into giving up the animals they love."

Kalaivanan also emphasised that Malaysia's stray problem is rooted in lax breeding controls and the absence of mandatory neutering.

"A microchipping system becomes much more effective when paired with mandatory neutering and strict regulation of backyard breeders and puppy mills."

He added that microchipping, neutering and strict breeder licensing must operate together to tackle the root causes of overpopulation. Ethical breeders, he noted, should be required to maintain proper records tied to the microchip database.

Kalaivanan said a national pet-owner

database must be built with strong data-protection safeguards to maintain public trust.

"Only authorised government agencies, veterinarians and registered local councils should have access to owner information and only for legitimate purposes," he said, calling for encryption, secure storage, audit trails and penalties for misuse.

"With proper governance and transparency, the system can protect both animal welfare and the privacy rights of pet owners."

On Dec 3, Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Aiman Athirah Sabu told the Dewan Negara that the ministry is exploring the implementation of an integrated digital registration system using microchip technology.

Spearheaded by the Department of Veterinary Services, the system would centralise dog ownership details, including licensing, vaccination, sterilisation records and monitoring data.

Responding to Senator Che Alias Hamid, she said microchipping could support breeding control and enhance local authorities' ability to manage stray populations – from capturing and reclaiming to adoption, NGO collaboration and humane methods widely practised internationally.

She added that these approaches remain among the most widely used globally to address stray dog overpopulation and reduce risks associated with animal attacks.

SIJIL HALAL LONJAK JENAMA CIKGU ANA DI PASARAN RUNCIT

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
sabinazulkifli@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Jenama makanan siap masak Cikgu Ana di bawah R.M.I Industries mencatat perkembangan ketara sejak memperoleh pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada tahun 2022, sekali gus membuka laluan lebih luas ke pasaran runcit dan kedai serbaneka.

Pengasas bersama merangkap Eksekutif Halal R.M.I Industries, Mohd Farhan Azuan Mohd Azlan berkata, perbezaan besar dapat dilihat sebelum dan selepas memperoleh pensijilan halal, khususnya dari segi keyakinan pengguna dan kemudahan menembusi rangkaian pasaran lebih besar.

"Perniagaan ini diusahakan oleh mak saya, Rohana Mohd Isa atau lebih dikenali sebagai Cikgu Ana. Dahulu kami bermula secara kecil sahaja, menghasilkan pes dan sambal di garaj rumah ketika pasca Perintah Kawanan Pergerakan (PKP) 2020. Pada waktu itu, kami hanya menjual melalui Facebook, WhatsApp dan kenalan terdekat.

"Apabila kami mula menyasarkan pasaran kedai mesra dan pasar mini, barulah kami sedar pentingnya sijil halal sebagai faktor penerimaan." Ka-

"Cabaran pertama kami ialah mendapatkan lesen pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi selepas melalui proses lesen sementara dan akhirnya lesen penuh bersama permit bangunan, barulah permohonan halal dapat berjalan dengan lancar," ujarnya.

Mohd Farhan berkata, pada 2022, syarikat itu akhirnya menerima sijil halal pertama meliputi 42 produk, seterusnya membuka ruang untuk penambahan produk baharu dan program halal pengilang peralatan asal (OEM) pada tahun berikutnya.

Dia sendiri turut mengikuti Kursus Eksekutif Halal dan Kurus Halal Juruaudit Dalam untuk memastikan piawaian halal syarikat sentiasa dipatuhi.

Mohd Farhan berkata, selepas memperoleh pensijilan halal, sambutan terhadap produk Cikgu Ana meningkat dengan ketara.

"Produk kami kini berada di 90 Kedai Mesra Petronas di Selatan Semenanjung, selain dipasarkan di Rissmart 24, Rissmart Butchery, pasar mini setempat serta platform e-dagang seperti Shopee, TikTok Shop dan Agrobazaar FAMA.

"Halal menaikkan kredibiliti jenama kami. Pengguna lebih yakin pasar tava lebih mudah

terdapat beberapa cabaran dalam memastikan kelangsungan pensijilan halal, antaranya kekurangan pembekal bahan mentah seperti ikan masin proses dan daging tempatan halal.

Namun, cabaran itu dilihat sebagai peluang untuk membantu usahawan lain mematuhi kepentingan pematuhan halal.

"Kami sangat berbesar hati jika dapat membantu usahawan lain untuk bersama-sama mengembangkan pasaran makanan halal di Malaysia. Pasaran ini luas dan nilainya semakin meningkat, jadi penting untuk ramai pemain industri menerokanya," katanya.

Mengulas mengenai perancangan masa depan, Mohd Farhan berkata, syarikat itu kini sedang melihat peluang untuk memasuki pasaran luar negara.

Hal ini kerana pensijilan halal menjadi antara syarat utama eksport selain memberikan nilai tambah kepada produk ketika bersaing di pasaran antarabangsa.

"Kami mencari negara yang sesuai dengan cita rasa pengguna Malaysia. Dengan adanya sijil halal, potensi untuk masuk ke negara luar lebih besar dan lebih mudah. Ini sebahagian daripada perancangan jangka panjang kami dalam industri makanan halal dan OEM," ujarnya.



ROHANA Mohd Isa (depan) dan Mohd. Farhan Azuan Mohd. Azlan di reruai pameran produknya, Cikgu Ana.